

PROMOSI 'TUN ABDUL RAZAK BAPA PEMBANGUNAN - SUATU PENGKISAHAN' PADA LTDL 2011

Date: 22-01-2011
Author: / ZI ZAJ ROS

TUN RAZAK-PENGGISAHAN

LANGKAWI, 22 Jan (Bernama) -- Siri jelajah 'Tun Abdul Razak Bapa Pembangunan - Suatu Pengkisahan' memilih Kejohanan Lumba Basikal terbesar Asia, Le Tour de Langkawi (LTdL 2011) untuk mempromosi program itu bertujuan memberi kesedaran kepada generasi masa kini terhadap sumbangan Perdana Menteri kedua Malaysia.

Pengarah Eksekutif Orlaith Inc Sdn Berhad Suziyana Natasya berkata syarikatnya dengan kerjasama Alliance Foundation Malaysia memilih Langkawi, Butterworth, Sitiawan, Cameron Highlands, Tampin dan Jasin untuk melaksanakan program itu.

"Pemilihan LTdL sebagai medan mempromosi program ini dipersetujui Menteri Belia dan Sukan Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek," kata beliau kepada pemberita di Dataran Lang di sini, hari ini.

Program siri jelajah ini mengandungi pameran, video Arkib Negara, pengedaran risalah dan terowong masa mengenai Tun Abdul Razak untuk menggalakkan remaja dan belia membaca selain menyemai semangat mengenang budi serta mengambil iktibar daripada perjuangan Allahyarham.

Beliau berharap program ini dapat mengingatkan generasi muda tentang pentingnya perpaduan dan asas sejarah kerjasama dan perpaduan kaum demi kesejahteraan negara sejajar dengan gagasan 1Malaysia.

-- BERNAMA